

# Bakti Siswa Perdana bersama penduduk luar bandar

BH 6.4.2017 V8

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

## Kota Kinabalu

Aktiviti khidmat sosial yang dilaksanakan mahasiswa bersama komuniti setempat mampu menjadi jambatan penghubung antara universiti bersama masyarakat luar.

Menyedari hakikat itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa mempergiatkan aktiviti khidmat masyarakat dan kerja sosial

sebagai satu usaha mendekati masyarakat khususnya penduduk luar bandar.

Terbaru, universiti itu menjalankan program Bakti Siswa Perdana dan Pesta Bubuk UMS membabitkan 250 pelajar UMS di Kampung Binsulok dan Kampung Likas, Membakut bagi menyokong agenda jalinan perhubungan dan menyebar luas ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar.

Program itu memberi peluang kepada 40 pelajar UMS berkampung selama tiga hari di kedua-dua kampung bersama-sama

keluarga angkat mereka.

Uniknya, program itu turut membabitkan pelajar antarabangsa, justeru itu memberikan gambaran baik mengenai kepelbagaian budaya dalam masyarakat majmuk serta semangat perpaduan yang menebal di Malaysia.

Pelajar dari Tanzania, Azizi Mumwi, berkata, program itu memberi pendedahan kepada pelajar antarabangsa yang menyertainya mengenai budaya tempatan serta peluang untuk berinteraksi bersama masyarakat kampung.

"Program itu, adalah satu

pengalaman menarik kerana sepanjang berada di sini, saya dapat mengetahui mengenai gaya hidup, makanan, muzik tradisional dan bahasa komuniti di kampung ini," katanya.

### Gotong-royong perdana

Sepanjang program itu, pelajar UMS berpeluang menjalankan aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawan melalui program gotong-royong perdana yang menyaksikan mereka berganding bahu bersama penduduk kampung membersihkan kawasan jeti dan tapak pasar ikan, mem-

baiki jeti dan pasar ikan, serta mengecat gelanggang futsal bagi manfaat golongan belia.

Pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Ramida Syahril berkata, penyertaan dalam program berkenaan membuatkannya berasa teruja kerana dapat menjalankan kerja kesukarelawan yang juga pengalaman kali pertama beliau.

"Diharap selepas segala kerja-kerja baik pulih dilaksanakan, tempat ini akan lebih meriah dengan pelbagai aktiviti seperti pertanian, jual beli ikan

dan sebagainya," katanya.

Yang turut berlangsung dalam program itu perasmian Pesta Bubuk yang dilihat berpotensi dijadikan acara tahunan di daerah Membakut sebagai satu daya tarikan pelancongan.

Hal itu dinyatakan Pegawai Kemajuan Masyarakat, Membakut, Latif Osman yang mencadangkan satu kerjasama bersama UMS bagi memperluas penganjuran pesta terbabit sebagai landasan untuk mempromosikan kepelbagaian produk pelancongan berdasarkan

pengeluaran makanan.

"Kehadiran pelajar tempatan dan antarabangsa ke kampung ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan pelbagai produk makanan tradisional seperti bubuk dan belacan yang sememangnya sinonim dengan Kampung Binsulok," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata sudah tiba masanya produk bubuk di daerah Membakut diangkat sebagai satu program dalam kalen-

dar pelancongan Sabah.

"Dalam hal ini, UMS bersedia untuk membantu menganjurkan Pesta Bubuk pada masa depan kerana sepanjang UMS mengadakan program bakti siswa di pelbagai pelusuk negeri Sabah, program di Membakut paling istimewa kerana turut diselitkan produk bubuk sebagai pengisian acara," katanya ketika berucap pada pada majlis itu. Teks ucapannya, dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Ismail Ali.



Pelajar UMS daripada Laos diberi peluang membuat cucur bubuk.



Siswa UMS bersama keluarga angkat.



Dr Ismail bersama pelajar antarabangsa UMS ketika majlis perasmian Bakti Siswa Pedana dan Pesta Bubuk UMS.



Staf UMS turut serta bersama penduduk kampung membaiki pagar di kawasan pasar ikan.